

Kerjasama universiti, MAM tangani stigma isu HIV

Kuala Lumpur: Kerjasama lima universiti awam dengan Majlis AIDS Malaysia (MAM) mengenal pasti dan membantu mahasiswa dijangkiti HIV/AIDS adalah pendekatan menyeluruh yang boleh mengurangkan stigma masyarakat.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata langkah itu turut memberi perhatian kepada aspek pendidikan, kesedaran dan kaunseling.

"Langkah proaktif kedua-dua pihak itu penting dalam mendekati golongan muda khususnya mahasiswa terdedah kepada risiko HIV/AIDS.

"Saya menyambut baik inisiatif kerjasama antara universiti awam dan MAM mendekati golongan muda khususnya mahasiswa.

"Dengan cara ini, kita dapat memastikan mereka yang dijangkiti tidak terpinggir, sebaliknya dibantu untuk meneruskan kehidupan dan pembelajaran dengan sokongan sosial tanpa stigma atau diskriminasi," katanya pada Majlis Perasmian Minggu Kesedaran Pendermaan Organ dan Tisu (MKPO) peringkat kebangsaan 2025, bertemakan "Derma Organ: Warisku, Hormati Ikrarku", di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Mahathir Abd Wahab.

Lima universiti awam iaitu

5 universiti, Majlis AIDS bantu siswa dijangkiti HIV

5 universiti awam iaitu UPM, UPM, UPM, UPM dan UPM bekerjasama dengan Majlis AIDS Malaysia (MAM) untuk mengenal pasti dan membantu mahasiswa dijangkiti HIV/AIDS. Langkah proaktif kedua-dua pihak ini penting dalam mendekati golongan muda khususnya mahasiswa terdedah kepada risiko HIV/AIDS.

Keratan akhbar BH, semalam.

Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dilapor menjalin kerjasama dengan MAM untuk mengenal pasti dan membantu mahasiswa dijangkiti HIV/AIDS.

Naib Presiden MAM, Dr Nurafiqah Mohd Salleh, dilaporkan berkata, kerjasama menerusi Kelab Kesihatan Anak Muda IPTA (KAMI) itu usaha terkini pihaknya untuk mengenal pasti dan membantu mahasiswa dijangkiti HIV/AIDS.

Dalam perkembangan lain, Dr Dzulkefly berkata, kira-kira 10,800 pesakit di negara ini sedang menunggu mendapatkan organ daripada penderma khususnya pesakit buah pinggang, hati, jantung dan paru-paru.

Jumlah direkodkan sehingga Julai lalu itu menunjukkan pe-



Dr Dzulkefly bersama petugas untuk melakukan penerbangan membawa organ yang didermakan sebagai simbolik sempena Majlis Perasmian Minggu Kesedaran Pendermaan Organ di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

ningkatan 5.4 peratus berbanding pada tahun lalu.

Beliau bagaimanapun berkata, jumlah penderma selepas kematian masih kecil, iaitu hanya 46 kes atau 1.33 penderma per sejuta penduduk berdasarkan data Pendaftaran Antarabangsa dalam Pendermaan Organ dan Pemindahan (IRODAT) 2024.

"Faktor utama jumlah penderma organ masih kecil disebabkan waris tidak membenarkan organ penderma diambil walaupun sebelum ini sudah berikrar... KKM (Kementerian Kesihatan) menghormati keputusan itu," katanya.

Beliau berkata, perkembangan positif dilihat berdasarkan rekod sejak 1997 hingga Julai 2025 apabila lebih 400,000 rakyat negara ini sudah berikrar sebagai penderma organ.

"Ini termasuk lebih 16,000 pengikrar baharu tahun ini melalui modul 'Organ Donor Pledge' melalui platform MySejahtera. Hasilnya, lebih 3,300 pemindahan berjaya dilaksanakan setakat ini, iaitu 1,121 daripada mereka sudah meninggal dunia dan 2,238 daripada penderma hidup.

"Bagi pendermaan tisu ia semakin baik apabila hampir 200 kes pendermaan tisu dilaksana-

kan pada 2024, membabitkan kornea, injap jantung dan lain-lain.

"Sebanyak 74 peratus daripada transplan kornea kini menggunakan tisu yang didermakan warga negara sendiri... bermakna kita tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada sumber luar," katanya.

Sebagai persediaan menjelang Kepengerusan Malaysia dalam ASEAN Health Ministers' Meeting (AHMM) 2026, agenda pendermaan organ dan transplan akan dijadikan sebahagian kerjasama kesihatan ASEAN, sekali gus menonjolkan kepimpinan Malaysia dalam kesihatan global bermula dari ASEAN.